

**ISU DAN CABARAN DALAM PENYEDIAAN
PENGINAPAN PEKERJA ASING DI MALAYSIA:
ANALISIS TERHADAP AKTA STANDARD
MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN
KEMUDAHAN PEKERJA 1990 (AKTA 446)**
*(Issues and Challenges in Providing Accommodation for
Foreign Workers in Malaysia: An Analysis of the Employees’
Minimum Standards of Housing, Accommodations and
Amenities Act 1990 (Act 446))*

*Azizah Mat Ripin*¹
sl4415@putra.unisza.edu.my

*Norhasliza Ghapa*²
haslizaghapa@unisza.edu.my

*Asiah Bidin*³
asiah@unisza.edu.my

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.^{1,2&3}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Azizah Mat Ripin, Norhasliza Ghapa & Asiah Bidin. (2025). Isu dan cabaran dalam penyediaan penginapan pekerja asing di Malaysia: Analisis terhadap Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 75–96. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/kanun.37(1)no4)

Peroleh: Received:	19/5/2024	Semakan: Revised	25/11/2024	Terima: Accepted:	9/12/2024	Terbit dalam talian: Published online	28/1/2025
-----------------------	-----------	---------------------	------------	----------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Penginapan yang tidak wajar untuk pekerja asing menjadi ciri krisis perumahan global dalam tempoh bertahun-tahun. Walaupun hak untuk mendapatkan perumahan yang wajar dan selamat ialah hak asasi manusia sejagat, peraturan negara destinasi mengenai penyediaan penginapan

pekerja asing perlu diambil perhatian. Oleh itu, pengkaji membincangkan isu dan cabaran yang berkaitan dengan penyediaan penginapan pekerja asing di Malaysia dari skop perundangan dengan tumpuan diberikan terhadap Seksyen 24H Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446), iaitu peruntukan statutori yang perlu dipatuhi oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen daripada data primer dan data sekunder, seperti buku, jurnal, laporan daripada laman rasmi kerajaan dan berita terkini. Data primer juga dikumpulkan melalui kaedah temu bual secara separa berstruktur dengan soalan terbuka bersama-sama pegawai penguatkuasa daripada agensi berkaitan dan pemain industri, seperti majikan daripada sektor perkhidmatan dan pembinaan. Dengan berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa satu kerangka hubungan undang-undang di Malaysia berkenaan dengan penyediaan penginapan pekerja telah dibentuk dan disandarkan kepada undang-undang pada peringkat nasional, negeri dan tempatan. Sebagai penyelesaian, pengkaji mencadangkan penambahbaikan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi sedia ada.

Kata kunci: Cabaran, hak asasi manusia, penginapan pekerja, hak pekerja asing, pindaan Akta 446, undang-undang kerajaan negeri dan tempatan

Abstract

Inadequate housing for foreign workers has long been a hallmark of the global housing crisis. While the right to adequate and safe housing is a fundamental human right, access to such housing for foreign workers is heavily influenced by the regulations of the destination country and warrants careful attention. This study explores the issues and challenges related to the provision of accommodation for foreign workers in Malaysia from a legal perspective, focusing on Section 24H of the Employees' Minimum Standards of Housing, Accommodations and Amenities Act 1990 (Act 446), a statutory provision that employers or Centralised Labour Quarters (CLQ) provider must comply with. The research employs a qualitative methodology, analysing primary and secondary data sources, including books, journals, official government reports, and news articles. Semi-structured interviews with open-ended questions were also conducted with enforcement officers from relevant agencies and industry players, such as employers in the service and construction sectors. The findings reveal that Malaysia has a well-established legal framework governing the provision of worker accommodation,


encompassing national, state, and local-level legislation. The study proposes improvements to existing laws, regulations, and policies as a solution.

Keywords: Challenges, human rights, employees' accommodation, foreign workers' rights, amendment of Act 446, state and local government law

PENDAHULUAN

Kehadiran pekerja asing dalam pasaran buruh Malaysia bukan perkara baharu. Fenomena ini wujud sejak dahulu lagi apabila penduduk tempatan tidak cenderung untuk bekerja dalam sektor perladangan dan perlombongan sehingga memaksa pelabur Inggeris membenarkan kemasukan pekerja asing bagi mengusahakan ladang, seperti ladang tebu, ladang kopi dan ladang getah, serta melombong bijih timah (Zulkifly Osman & Osman-Rani Hassan, 1996). Ketika pemerintahan British, rakyat daripada India (Selatan India) dan China (Selatan China) dibawa masuk ke dalam negara, khususnya untuk menjalankan kegiatan ekonomi yang berbeza-beza. Pada era 1980-an, pekerja asing ini terus membanjiri pasaran buruh negara apabila ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan pesat. Lokasi yang strategik, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang mantap, serta kestabilan politik pada era 80-an dan 90-an menjadikan negara ini sebagai destinasi utama, terutamanya bagi pekerja asing daripada Bangladesh, Indonesia, Nepal dan Filipina (Mohd Na'eim Ajis et al., 2018; Pandi, 2023). Namun begitu, peningkatan kemasukan pekerja asing yang pada asalnya untuk mengimbangi keperluan ekonomi telah menimbulkan masalah kepada kerajaan, terutamanya dari aspek pengurusan pekerja asing. Perlindungan perburuhan, termasuklah dari aspek perumahan dan penginapan pekerja bukan sahaja menjadi liabiliti majikan, tetapi juga menjadi aset industri untuk memastikan pekerja terus kekal bekerja.

Jumlah pekerja asing di Malaysia tidak dilaporkan secara konsisten, namun beberapa sumber menunjukkan bahawa anggaran pekerja asing yang meliputi pekerja berdokumen, pekerja tidak berdokumen (PATI), ekspatriat, pelarian dan pencari suaka yang berada di Malaysia dari tahun 2020 hingga tahun 2024 mencecah 2.5 juta orang hingga tiga juta orang (ILMIA, 2019; IOM, 2023; Jumlah pekerja asing, 2023; Pandi, 2023).



Rajah 1 Unjuran pekerja migran berdokumen di Malaysia dari tahun 2020 hingga tahun 2024. (Sumber: ILMIA, 2020; IOM, 2021a; Kementerian Sumber Manusia, 2022; 2.7 Juta pekerja asing, 2023; HR Asia, 2024)

Purata pekerja berdokumen atau pekerja yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang berada di Malaysia hingga bulan Disember 2023 hampir dua juta orang. Dengan peningkatan pekerja asing yang kian meningkat, sistem pengurusanannya perlu diperkukuh dari semua aspek, termasuklah penyediaan perlindungan penginapan di tempat kerja agar diselia dan diurus dengan baiknya, seterusnya dijadikan sebagai agenda penting negara bagi menjamin kestabilan pekerja dalam sesebuah industri.

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu hak penginapan ialah hak asasi manusia sejagat dan undang-undang penginapan pekerja di Malaysia.

Hak Penginapan ialah Hak Asasi Manusia Sejagat

Hak untuk mendapatkan taraf hidup yang mencukupi, termasuklah hak perumahan bagi setiap orang amnya dan hak perumahan bagi pekerja migran khususnya menjadi elemen penting dalam undang-undang antarabangsa hak asasi manusia (OHCHR, 2009). Rangka perundangan yang berkaitan dengan perumahan dan penginapan pekerja wujud pada semua peringkat, termasuklah antarabangsa, nasional, negeri dan tempatan. Secara umumnya, beberapa instrumen antarabangsa mengiktiraf hak untuk mendapatkan perumahan standard untuk semua

orang atau apa-apa kategori penduduk sebagai sebahagian daripada hak asasi manusia (EBRD & IFC, 2009).

Bagi memastikan hak ini direalisasikan sepenuhnya, instrumen yang berkaitan perlu diiktiraf oleh sesebuah negara. Dalam Perkara 25 Perisytiharan Universal Hak Asasi Manusia (UDHR) 1948, ditetapkan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan taraf hidup untuk kesihatan dan kesejahteraan diri dan keluarganya, termasuklah tempat tinggal (Nowak, 2022). Perisytiharan Universal Hak Asasi Manusia merupakan instrumen antarabangsa yang mengiktiraf hak asasi manusia, termasuklah memastikan setiap orang mendapat perumahan standard, wajar dan mencukupi tanpa mengira bangsa. Konvensyen Antarabangsa berkenaan Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya 1966 (ICESCR) juga mengiktiraf hak setiap orang untuk mendapat taraf hidup yang mencukupi. Perumahan standard (*Adequate housing*) atau dijelaskan melalui Jawatankuasa PBB mengenai Hak Sosial dan Budaya no. 4 (1991) dengan kriteria seperti yang berikut (IOM, 2021b; OHCHR, 2009):

- i. Mempunyai tempoh jaminan dari segi pengusiran paksa.
- ii. Ketersediaan infrastruktur dan kemudahan asas, seperti air minuman, tenaga untuk sistem pencahayaan, penyimpanan makanan dan pelupusan sampah.
- iii. Kemampuan untuk memiliki perumahan mencukupi ini perlu mengambil kira kewangan individu atau isi rumah supaya berada pada tahap yang keperluan lain tidak terjejas.
- iv. Kebolehdiaman yang meliputi aspek keselamatan fizikal, termasuklah ruang yang mencukupi, perlindungan terhadap suhu sejuk, kelembapan dan haba, hujan, angin dan ancaman kesihatan yang lain.
- v. Kebolehcapaian, iaitu dapat dicapai oleh setiap orang tanpa diskriminasi, termasuklah orang daripada kumpulan yang tidak bernasib baik, seperti orang tua, orang kurang upaya (OKU), orang yang sakit berterusan, mangsa bencana alam dan seumpamanya.
- vi. Lokasi yang mudah dicapai dari segi peluang pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan kemudahan sosial lain.
- vii. Mempunyai budaya dan identiti yang perlu dihormati oleh setiap orang.

Secara umumnya, tujuh kriteria yang ditetapkan oleh Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ini bertindih (International Labour Organisation, 2022) dengan prinsip am dan kaedah yang dicadangkan dalam Konvensyen dan Syor Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), termasuklah Syor 115 mengenai Perumahan

Pekerja, 1961 (EBRD & IFC, 2009). Di bawah ILO, “*decent and adequate housing*” merujuk perumahan pekerja yang mempunyai lokasi yang bersih, struktur binaan yang selamat untuk didiami, ruang yang mencukupi mengikut saiz dan ukuran yang ditetapkan, sentiasa mendapat capaian untuk pemeriksaan, serta diberikan masa yang cukup untuk pengosongan apabila berlaku penamatan (R115 - Workers’ Housing Recommendation, 1961 (No. 115). Walaupun pengiktirafan hak perumahan di bawah Syor 115 ini tidak mengikat negara anggota, Syor 115 ini menjadi panduan dari aspek penyediaan dasar, perundangan dan amalan untuk majikan yang menyediakan perumahan pekerja yang bersifat “*decent and adequate housing*” (EBRD & IFC, 2009).

Secara prinsipnya kedua-dua instrumen antarabangsa, iaitu PBB dan ILO, memberikan ketetapan umum tentang saranan majikan untuk menyediakan penginapan, namun pemakaian dan pelaksanaannya disusun secara terperinci mengikut kehendak dan keperluan sesebuah negara. Sebagai contoh, Amerika Syarikat mempunyai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Piawaian 29) 1970, Brazil mempunyai Peraturan Kesihatan dan Keselamatan dalam Sektor Pertanian, Penternakan, Perhutanan dan Akuakultur 2005, Afrika Selatan mempunyai Akta Asas 1997, Australia mempunyai Akta Penginapan Pekerja Luar Bandar 1969 dan Malaysia mempunyai Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

Undang-undang Penginapan Pekerja di Malaysia

Dalam dasar semasa tentang penggajian pekerja asing, ditetapkan enam sektor formal yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing, iaitu pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan, pertanian, serta perlombongan dan pengkuarian (Kementerian Dalam Negeri, 2024). Dahulu industri perladangan, pertanian dan perlombongan sahaja yang diberikan perhatian, tetapi kini terdapat pelbagai jenis sektor industri yang telah dan sedang berkembang di Malaysia (Che Thalbi Md Ismail, 2013). Perkembangan perindustrian di negara ini mempengaruhi pembentukan undang-undang penginapan di Malaysia sesuai dengan keperluan industri dalam memastikan pekerja terus kekal berkhidmat apabila hak dan kebajikan dijaga oleh majikan.


Kerajaan, melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), memperkenalkan undang-undang penginapan pekerja pada tahun 1966 dengan nama Akta Minimum Piawaian-piawaian Perumahan 1966. Akta ini digubal berasaskan *The Rump Labour Code 1933*, iaitu kod perburuhan

antarabangsa yang menggariskan peruntukan perumahan, sanitasi, keperluan kesihatan, penyediaan hospital dan perkhidmatan rawatan perubatan di estet dan lombong (Mahathevan, 1976; Voules, 1921). Akta ini dibuat untuk memastikan majikan menyediakan perumahan dan kemudahan kepada pekerja asing dan pekerja tempatan yang bekerja dalam sektor pertanian, perladangan dan perlombongan dengan standard minimum. Akta ini mensyaratkan majikan untuk menyediakan perumahan dan kemudahan asas kepada pekerja perladangan dan perlombongan kerana sektor ini memerlukan pekerja berada di kawasan pekerjaan (estet) mereka kerana lokasi estet dan kawasan perumahan yang jauh.

Pada tahun 1990, Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) digubal untuk menggantikan Akta Minimum Piawaian-piawaian Perumahan 1966. Akta 446 ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 1990, serta mencakupi aspek perumahan dan keperluan untuk menyediakan kemudahan asas bagi pekerja dan tanggungannya di estet (Dewan Rakyat, 1991). Akta 446 pada tahun 1990 ini kekal digunakan untuk sektor perladangan yang saiznya melebihi 20 ekar (lapan hektar) dan sektor perlombongan sahaja. Setelah hampir 30 tahun akta ini berkuat kuasa, beberapa kelemahan akta ini dikenal pasti kerana undang-undang sedia ada mempunyai had dan batasan dalam penggunaannya (Lee, 2020; MIC, 2020). Kelemahan Akta 446 ini menyebabkan masalah lain, seperti isu pengabaian pekerja asing dan pengeksploitan buruh asing di tempat kerja (IHRB, 2019; Putul & Mia, 2018; Ramachandran, 2022). Low (2021) dan ILO (2022) bersetuju bahawa liputan penggunaan Akta 446 terhadap sektor perladangan dan perlombongan sahaja, terpakai terhadap ladang yang berkeluasan melebihi 20 ekar dan berkuat kuasa terhadap perumahan pekerja yang berada di luar kawasan Majlis Perbandaran, Majlis Bandaraya dan Wilayah Persekutuan, menyebabkannya dipinda pada tahun 2019.

Akta 446 dipinda pada tahun 2019 dan penggunaannya diluaskan untuk semua sektor pekerjaan, termasuklah sektor perkhidmatan, pembinaan dan pembuatan (Kerajaan Malaysia, 2020). Penggunaannya juga diperluas untuk semua estet yang berada di luar kawasan majlis tanpa mengambil kira keluasaannya. Peluasan skop Akta 446 bertujuan untuk memastikan pekerja dalam semua sektor pekerjaan menikmati perumahan dan penginapan yang lebih baik, kemudahan asas, seperti bekalan air bersih dan tenaga elektrik, yang mencukupi dan tahap kesihatan dan keselamatan yang lebih terjamin. Pada masa yang sama, pihak majikan diberi fleksibiliti untuk menentukan, sama ada ingin membina, menyewa atau menempatkan

pekerja masing-masing di dalam CLQ mengikut kesesuaian majikan dan penyedia CLQ. Menerusi Akta 446, setiap majikan atau penyedia CLQ yang menyediakan penginapan pekerja dikehendaki untuk memohon Perakuan Penginapan (PP) di bawah Seksyen 24D akta. Proses kerja mendapatkan PP ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2 Proses kerja permohonan perakuan penginapan pekerja. (Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, 2021a)

Secara prinsipnya, penyediaan penginapan di tempat kerja bukan suatu obligasi untuk majikan. Kelazimannya, pekerja tempatan memilih untuk tinggal di kediaman sendiri, kecuali pekerja di sektor yang memerlukan pekerja tinggal di kawasan tempat kerja kerana faktor jarak dan lokasi yang jauh, seperti estet. Low (2021) menyatakan bahawa ketiadaan peruntukan mandatori untuk mewajibkan majikan menyediakan penginapan di tempat kerja ialah kelompangan dalam

Akta 446 (Pindaan 2019). *Asean Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR)* (2023) menyatakan bahawa ILO telah mencadangkan agar Malaysia meminda Akta 446 (Pindaan 2019) bagi menggesa majikan untuk menyediakan penginapan dalam semua sektor ekonomi. Berikutan isu tersebut, kerajaan meluluskan dan mewartakan Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pekerja yang Dikehendaki Disediakan Penginapan) 2021 pada bulan Februari 2021 dengan mewajibkan majikan yang menggajikan pekerja asing untuk menyediakan penginapan di tempat kerja (Kerajaan Malaysia, 2021). Jawatankuasa Kabinet mengenai Pekerja Asing juga turut memutuskan bahawa menjelang bulan Julai 2021, majikan wajib mendapatkan sijil PP sebagai prasyarat dalam pengambilan pekerja asing (Gee-Weon, 2021). Kerajaan juga meluluskan dan menguatkuasakan pindaan terhadap Akta Kerja 1955 pada 1 Januari 2023. Melalui pindaan tersebut, Seksyen 60K yang merupakan peruntukan spesifik berkenaan pekerja asing menetapkan bahawa setiap permohonan untuk menggajikan pekerja asing perlu mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah JTKSM terlebih dahulu. Melalui peruntukan ini, JTKSM perlu memastikan bahawa majikan yang membuat permohonan tidak mempunyai rekod perlanggaran akta perburuhan, termasuklah Akta 446 (JTKSM, 2023a; Mohd Shahril Nizam Md Radzi, 2023). Penambahbaikan terhadap polisi, peraturan dan kesinambungan pindaan bagi kedua-dua Akta 446 dan Akta 265 ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa komited bagi memastikan kesejahteraan hidup pekerja asing di Malaysia selesa, selamat dan sejahtera untuk bekerja.

METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian kualitatif, iaitu kajian yang memerlukan usaha penyelidikan dan penyediaan maklumat bukan berbentuk numerikal, walaupun terdapat maklumat yang merujuk statistik (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Bagi menjelaskan masalah kajian berhubung dengan cabaran yang berkaitan dengan penyediaan perumahan dan penginapan pekerja asing di Malaysia dan pembuktian data secara tersusun, beberapa kaedah pengumpulan dan analisis data digunakan. Proses mendapatkan maklumat tertumpu pada bahan daripada sumber primer dan sumber sekunder. Data primer, seperti kaedah temu bual, digunakan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada responden. Dalam kajian ini, temu bual separa berstruktur menggunakan soalan terbuka dilaksanakan terhadap majikan dan pegawai pelaksana Akta 446 yang terdiri daripada pegawai di Jabatan

Tenaga Kerja (JTK). Sesi temu bual dilakukan secara bersemuka dan secara dalam talian. Audio dirakam dengan persetujuan responden. Temu bual tertumpu pada pengalaman responden yang terlibat dalam pengurusan penginapan pekerja asing. Responden dipilih berdasarkan beberapa kriteria. Responden dalam kalangan majikan perlu mempunyai pengalaman memproses permohonan yang ditetapkan oleh Akta 446, manakala pelaksana Akta 446 perlu terlibat dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan akta tersebut. Temu bual dilakukan antara 10 September 2024 hingga 1 Oktober 2024 dengan ketetapan masa yang berbeza-beza bagi setiap responden. Data sekunder dikumpulkan melalui pelbagai kaedah, seperti penyelidikan berasaskan perpustakaan dan bahan digital di laman web. Kajian literatur, termasuklah laporan, jurnal akademik dan sumber lain yang berkaitan isu penginapan pekerja asing di tempat pekerjaan juga digunakan. Dalam artikel ini, pengkaji mengupas pematuhan statutori Seksyen 24H Akta 446 bersandarkan pematuhan terhadap undang-undang bertulis lain sebelum sesebuah penginapan pekerja boleh diperakukan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam perbincangan sebelum ini, dijelaskan bahawa Akta 446 pindaan tahun 2019 menjadi pelengkap dan mengisi kelompangan undang-undang sedia ada dengan peluasan pemakaiannya untuk semua sektor industri. Namun begitu, akta tersebut dilihat sebagai suatu undang-undang yang sukar dipatuhi kerana masih terdapat majikan yang menyediakan penginapan yang tidak sesuai untuk didiami (MIC, 2020; Mohd Amin Jalil, 2024; Nizam Zain, 2024) dan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Akta 446. Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan dapatan kajian berhubung isu penyediaan penginapan pekerja asing di Malaysia dari beberapa aspek, iaitu pematuhan Akta 446 bersandarkan Undang-undang Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain itu, bahagian ini juga menghuraikan cabaran majikan dalam pematuhan Akta 446.

Pematuhan Akta 446 bersandarkan Undang-undang Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Pindaan Akta 446 melibatkan penambahan bahagian baharu, iaitu Bahagian IIIA yang merangkumi Seksyen 24A hingga Seksyen 24N yang berkaitan dengan penginapan dan kemudahan yang perlu disediakan oleh pemohon, sama ada majikan atau penyedia penginapan berpusat (CLQ).

Pindaan dengan peluasan penggunaan akta ini untuk semua jenis industri di seluruh Semenanjung Malaysia, termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan, mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 September 2020. Melalui Seksyen 24D akta ini, setiap penginapan yang disediakan perlu diperakukan dengan PP. Bagi memastikan struktur binaan penginapan pekerja tersebut selamat untuk didiami bagi maksud kediaman manusia, Seksyen 24H dimasukkan sebagai peruntukan mandatori sebelum penginapan boleh diperakukan di bawah Seksyen 24D. Seksyen 24H menyatakannya sebagai:

Penginapan hendaklah mematuhi undang-undang pihak berkuasa tempatan

Seksyen 24H(1) Walau apa-apa pun Seksyen 24D, tiada majikan atau penyedia penginapan berpusat boleh menggunakan mana-mana bangunan sebagai penginapan jika bangunan itu tidak sesuai didiami oleh manusia mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan.

Hal ini bermakna, pematuhan Akta 446 bersandarkan kepada undang-undang bertulis lain yang dikuatkuasakan oleh PBN, PBT dan agensi berkaitan dengan sektor pemohon bagi mengesahkan sesuatu bangunan itu sesuai didiami bagi tujuan penginapan pekerja berdasarkan undang-undang sedia ada. Sebagai contoh, Seksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengeluarkan Kebenaran Merancang (KM) bagi setiap cadangan pembangunan yang hendak dimajukan. Hal ini termasuklah syarat yang boleh dikenakan bagi tujuan perubahan material sesebuah bangunan dalam tempoh tertentu. Seksyen 79, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) pula memperuntukkan kawalan penghunian sesebuah rumah yang disifatkan “penuh sesak” yang dapat membahayakan dan memudaratkan kesihatan dan penduduknya. Seksyen 116, Seksyen 117 dan Seksyen 120, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828) juga memperuntukkan pematuhan terhadap syarat nyata hak milik tanah dan keperluan untuk meletakkan syarat tersirat dan sekatan kepentingan oleh PBN (Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) & Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2021). Antara bentuk kelulusan yang boleh dikeluarkan oleh PBT (JTKSM, 2021b) termasuklah:

- i. Kelulusan Menukar Syarat Bangunan (daripada komersial kepada penginapan, contoh: gudang kepada asrama pekerja);

- ii. Kelulusan Ubah suai Bangunan;
- iii. Kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhad (bagi penginapan sementara, contoh: rumah kongsi) atau Pelan Kelulusan Merancang Bangunan.

Oleh itu, tanggungjawab majikan dari aspek penginapan pekerja tidak terhad pada pematuhan Akta 446 semata-mata, malah mempunyai tanggungjawab statutori lain yang perlu dipatuhi. Tanggungjawab majikan dari segi perundangan adalah untuk memastikan tiada isu pelanggaran protokol peraturan PBT dan PBN yang melibatkan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 sebelum sesuatu struktur itu boleh menjadi penginapan bagi maksud Akta 446.

Cabaran Majikan dalam Pematuhan Akta 446 dari Konteks Seksyen 24H

Laporan JTKSM berkenaan pengeluaran PP bagi tahun 2022 dan 2023 menggambarkan bahawa Akta 446 mula dipatuhi oleh pemain industri dalam semua sektor ekonomi. Statistik pengeluaran PP bagi tahun 2022 dan 2023 oleh JTK seluruh negeri di Semenanjung Malaysia, termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Statistik pengeluaran perakuan penginapan bagi tahun 2022 dan tahun 2023. [Sumber: Laporan Tahunan JTKSM 2023 (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, 2023b)].

2022		2023	
Jumlah Permohonan	Jumlah Pengeluaran PP	Jumlah Permohonan	Jumlah Pengeluaran PP
12,428	14,473	16,361	7,896

Penurunan pengeluaran PP sebanyak 6,577 (45%) pada tahun 2023 berbanding dengan tahun 2022 berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, seperti kegagalan pemohon untuk mendapatkan kebenaran PBT dari segi penggunaan penginapan sebagai asrama pekerja (JTKSM, 2023).

Temu bual bersama-sama beberapa responden, termasuklah majikan dari sektor perkhidmatan dan pembinaan yang dipilih secara rawak di negeri Terengganu mendapati bahawa faktor kesukaran untuk mendapatkan kelulusan PBT menjadi cabaran untuk mematuhi Akta 446.

“Cabaran utama adalah seperti yang saya nyatakan sebentar tadi. Proses permohonan pada peringkat PBT mengambil masa yang sangat lama. Apabila lambat, kami bimbang jika JTK melakukan serbuan. Terkini, PBT memerlukan pelan yang diluluskan oleh BOMBA sebelum meluluskan permohonan. Arkitek lukis pelan untuk ‘convert’ lot rumah kedai kepada asrama pekerja”¹

Bagi sektor, seperti pembinaan, yang bertanggungjawab membina asrama pekerja (rumah kongsi) di tapak bina, permohonan permit bangunan sementara perlu dibuat dan Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan Bagi Rumah Pekerja dalam Tapak Bina perlu dipatuhi sebelum pekerja ditempatkan. Kelonggaran ini diberikan melalui Seksyen 19(2)(e) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang membenarkan pembinaan bangunan untuk menampung pekerja yang terlibat dengan kerja pembinaan di atas tanah (tapak pembinaan) yang telah diberikan kelulusan Kebenaran Merancang (KM). Majikan atau pemaju tidak perlu mengemukakan permohonan KM untuk mendapatkan kelulusan bagi pembinaan rumah pekerja di atas tapak bina yang cadangan projek pembangunannya telah diberikan kelulusan KM oleh PBT bagi memajukan tanah tersebut.

“19. Larangan mengenai pemajuan tanpa kebenaran merancang

(1) Tiada seorang pun, selain pihak berkuasa tempatan, boleh memulakan, mengusahakan, atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah Seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3).

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), kebenaran merancang **tidak perlu-**

(e) bagi pembinaan atau pendirian di atas mana-mana tanah bangunan sementara untuk menampung pekerja yang terlibat dalam pembinaan atau pendirian suatu bangunan di atas tanah, yang baginya kebenaran untuk merancang telah diberikan.”

Menerusi temu bual yang dilakukan wakil syarikat di sektor pembinaan menyatakan bahawa beberapa syarat perlu dipenuhi pada peringkat PBT sekiranya melibatkan pembinaan rumah kongsi di luar kawasan tapak bina:

“Yang pertama ialah PBT. Macam yang saya beritahu tadi, jika syarikat ingin membina rumah kongsi di dalam tapak pembinaan itu sendiri tiada masalah. Hal ini kerana apabila mendapat Kebenaran Merancang, kawasan rumah kongsi di dalam kawasan tapak bina sudah termasuk sekali dalam Permohonan Kebenaran Merancang. Hal ini menjadi mudah kerana pihak ‘consultant’ yang dilantik sudah mengambil kira semua sekali.

Untuk rumah kongsi yang dibuat dalam tapak projek, hanya perlu membuat permohonan sekali semasa memohon Kebenaran Merancang. Selepas itu, syarikat akan menghantar permohonan kelulusan Permit Pelan Bangunan Sementara rumah kongsi sahaja. Apabila syarikat membuat rumah kongsi di tapak asing dan jauh dari kawasan pembinaan, syarikat perlu membuat banyak permohonan kepada PBT. Proses permohonan ini agak rumit seperti ingin membina rumah kekal, sedangkan syarikat hanya ingin membuat rumah kongsi.”²

Dengan berdasarkan temu bual ini, didapati bahawa proses dan keperluan teknikal di PBT mempengaruhi status pematuhan terhadap Akta 446 apabila tempoh yang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan PBT melebihi tempoh notis pematuhan yang diterima daripada JTKSM.

Cabaran lain yang dihadapi oleh majikan dalam pematuhan Akta 446 ialah pemilihan lokasi dan jenis penginapan. Bagi kontraktor pembinaan, terutamanya di kawasan bandar, pemilihan lokasi untuk menempatkan pekerja asing menjadi keutamaan sebelum kerja pembinaan dimulakan. Selain menempatkan pekerja di kawasan tempat pekerjaan atau tapak bina, majikan juga memilih untuk menempatkan pekerja asing di kediaman bertingkat atau bangunan berstrata kerana tanah bandar terhad dan mahal (Suratman et al., 2019). Dengan cara ini, majikan dapat menggunakan kaedah penyewaan biasa bagi tujuan penginapan pekerja di dalam kawasan perumahan secara unit individu (bertanah/bertingkat/strata). Seksyen 24B Akta 446 mendefinisikan maksud “penginapan” sebagai mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara, termasuklah apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan berbumbung yang digunakan bagi maksud kediaman manusia (JTKSM, 2021b). Walau

bagaimanapun, pemilihan penempatan di luar kawasan tapak bina atau luar kawasan industri, seperti menempatkan pekerja asing di kawasan yang didiami oleh penduduk tempatan ini perlu mengambil kira aspek keselamatan sosial yang perlu dikawal oleh PBT (Mohd Iskandar Othman, 2021; Suratman et al., 2019). Marshel (2021) menyatakan bahawa aduan kerap diterima daripada orang awam berkenaan situasi di kawasan perumahan yang jijik dan kotor, terutamanya di kawasan perumahan kos rendah yang disewakan oleh majikan. Hal ini berlaku kerana kebanyakan rumah kos rendah yang disediakan oleh pemaaju di bawah dasar kerajaan dalam usaha membantu penduduk B40 atau miskin supaya memiliki rumah bagi setiap keluarga telah disalahgunakan oleh pemilik dengan menyewakannya kepada majikan (Marshel, 2021).

Temu bual bersama pegawai JTK menemukan bahawa kerajaan negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan garis panduan pembinaan penginapan pekerja bagi mengawal dan mengatasi isu dan masalah sosial dalam kalangan pekerja asing yang berada dalam komuniti penduduk:

“Sebenarnya, di Pulau Pinang ini kita ada Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara (*Temporary Labour Quarters-TLQ*) bagi kawasan PBT Pulau Pinanglah. Ikutkan garis panduan ini telah mula berkuat kuasa pada tahun 2022, dan yang *latest* pada 1 Januari 2024 dah dibuat beberapa pindaan. Penyediaan garis panduan ini melibatkan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) sendiri, Pegawai Daerah (DO), Jabatan Kerajaan Tempatan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, JTK, PLANMalaysia dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang. ... garis panduan ni memberikan maklumat kepada pemohon tentang jenis rumah bagaimana yang boleh pohon dan dinyatakan apa syarat-syarat yang ditetapkan di bawah garis panduan ... di Pulau Pinang ni, hanya kawasan komersial dan industri yang dibenarkan untuk dijadikan sebagai penginapan pekerja. Hal ini bermakna, rumah taman, flat, pangsapuri tidak dibenarkan untuk dijadikan sebagai penginapan pekerja.”³

Responden wakil majikan daripada sektor pembinaan mencadangkan untuk mewujudkan satu garis panduan yang selaras antara agensi berkaitan dengan melihat kesinambungan antara undang-undang persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan.

“Cabaran kedua ialah ketiadaan penyelarasan dalam *award* atau tender.... Jika diselaraskan, kontraktor tidak perlu bersaing untuk mengurangkan

kos rumah kongsi kerana semuanya sudah ditetapkan, dan kontraktor hanya perlu bersaing untuk mendapatkan harga terbaik bagi bahan binaan tanpa mengabaikan keperluan pekerja asing.”⁴

Di Malaysia, sebanyak 99 PBT ditubuhkan di bawah Seksyen 13 Akta 171 (KPKT, 2024) sebagai satu badan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir sesuatu kawasan berasaskan kepentingan tempatan. Pihak PBT diberi kuasa oleh undang-undang untuk memastikan kawasan pentadbirannya berada dalam keadaan selamat dan merancang sesuatu pembangunan dalam keadaan sempurna sesuai dengan keadaan masyarakat setempat. Namun begitu, setelah menganalisis beberapa pandangan yang dinyatakan ini, didapati bahawa garis panduan dan peraturan tambahan yang tidak selaras antara PBT menjadi satu daripada cabaran untuk majikan dan penyedia CLQ mematuhi undang-undang secara keseluruhannya. Kelemahan pematuhan terhadap peraturan undang-undang pihak berkuasa negeri dan tempatan, cabaran dalam pertimbangan dan pemilihan lokasi dan jenis penginapan, serta isu keselamatan sosial menjadi aspek pertimbangan bagi majikan dan penyedia CLQ sebelum mendapatkan penginapan yang sesuai untuk menempatkan pekerja asing masing-masing.

KESIMPULAN

Pengambilan pekerja asing bagi memenuhi pekerjaan 3D yang bersifat “*Dirty, Dangerous, Difficult*”, iaitu kotor, berbahaya dan sukar di Malaysia memerlukan majikan untuk menyediakan tempat tinggal yang sewajarnya. Pekerja asing berhak mendapat tempat tinggal yang sesuai sebagaimana pengiktirafan yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa. Satu set teras garis panduan normatif yang wujud dalam dokumen antarabangsa mengesahkan bahawa setiap orang berhak mendapatkan perumahan wajar dan mencukupi seperti yang diperuntukkan di bawah UDHR, 1948, begitu juga Syor 115 ILO, 1961 yang memperincikan piawaian khusus untuk penginapan pekerja migran. Selaku negara anggota ILO, Malaysia mengiktiraf dan menggunakan piawaian antarabangsa ini dari segi penetapan standard dan prosedur pelaksanaan dengan bersandarkan undang-undang perburuhan am, seperti Akta Kerja 1955 sebagai instrumen asas bagi penggajian pekerja asing yang memasuki negara ini, serta undang-undang pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan. Pembentukan undang-undang dan peraturan yang munasabah tanpa unsur diskriminasi menjadi agenda kerajaan bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja asing di negara ini terjamin dari semua aspek

penggajian, termasuklah perlindungan penginapan di tempat pekerjaan. Walaupun kehadiran pekerja asing di kawasan perumahan bandar mewujudkan ketidakselesaian dalam kalangan komuniti tempatan dan masalah sosial lain yang berkaitan, kerajaan harus mempertimbangkan langkah yang perlu bagi mengatasi masalah ini agar kemudaran sosial yang memberikan kesan terhadap semua pihak tidak berlaku. Majikan juga harus menyediakan tempat tinggal yang bersesuaian dengan keperluan sedia ada untuk meningkatkan kebolehdiaman penduduk tempatan dengan mengambil kira semua aspek pematuhan sosial dan undang-undang.

Dengan berdasarkan hasil temu bual yang telah dilakukan, cadangan utama sebagai potensi penyelesaian bagi isu dan cabaran dalam penyediaan penginapan pekerja asing di tempat pekerjaan ialah pengemaskinian dasar program untuk membangunkan set peraturan dan garis panduan yang standard dengan mengambil kira sektor dan jenis perusahaan. Oleh itu, perbincangan dalam penetapan dasar perumahan pekerja di tempat pekerjaan perlu mencari satu titik persetujuan bersama dan jika persetujuan tidak diperolehi, keadaan menang-kalah mungkin akan wujud.

NOTA

- 1 Temu bual pengkaji bersama-sama wakil syarikat daripada sektor perkhidmatan, pada 10 September 2024 di premis majikan
- 2 Temu bual pengkaji bersama-sama wakil syarikat daripada sektor pembinaan, pada 11 September 2024 di premis majikan
- 3 Temu bual pengkaji bersama-sama wakil JTK Negeri Pulau Pinang pada 1 Oktober 2024 secara atas talian.
- 4 Temu bual pengkaji bersama-sama wakil syarikat daripada sektor pembinaan pada 11 September 2024 di premis majikan.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Azizah Mat Ripin: Reka bentuk kajian, pengumpulan data, penulisan, analisa data, penyediaan makalah awal dan akhir, semakan, pengesahan makalah akhir dan penghantaran manuskrip akhir; Norhasliza Ghapa: Pengumpulan data, analisa data, dan semakan; Asiah Bidin: Pengumpulan data, analisa data, dan semakan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- 2.7 Juta pekerja asing di Malaysia, berlaku lambakan – KSM. (2023). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/630269/berita/nasional/27-juta-pekerja-asing-di-malaysia-berlaku-lambakan---ksm>
- Asean Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR). (2023). *Migration and human rights in Malaysia: Migration management for the most vulnerable groups within ASEAN*. <https://aichr.org/wp-content/uploads/2023/08/AICHR-Thematic-Study-on-Migration-Migration-Management-for-the-Most-Vulnerable-Groups-within-ASEAN.pdf>
- Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) & Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2021). *Prosedur permohonan penginapan pekerja secara jangka pendek (2021–2023)*. https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/modules_resources/database_stores/17/46_37.pdf
- Che Thalbi Md. Ismail. (2013). Undang-undang kesihatan pekerjaan di Malaysia: Apakah selaras dengan piawaian ILO. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 25(1), 107–121. <https://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/view/7995>
- Dewan Rakyat. (1991). *Penyata rasmi Parlimen. Kerajaan Malaysia. Parlimen kelapan: Penggal pertama*. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-26111991.pdf>
- European Bank for Reconstruction and Development (EBRD) & International Finance Corporation (IFC). (2009). *Workers' accommodation: Processes and standards*. <https://www.ifc.org/content/dam/ifc/doc/mgrt/workers-accommodation.pdf>
- HR Asia. (2024). *Malaysia has 2.12 million legal foreign workers*. <https://hr.asia/top-news/malaysia-has-2-12-million-legal-foreign-workers/>
- Institute for Human Rights and Business (IHRB). (2019). *Migrant worker accommodation IHRB briefing*. <https://ihrb.org.files.svdcdn.com/>

- production/assets/uploads/briefings/IHRB_Briefing_-_Migrant_Worker_Accommodation_-_Feb_2019.pdf
- Institute of Labour Market Information and Analysis (ILMIA). (2019). *Report of the independent committee for the management of foreign workers*. https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/IM/BPARReport_LATEST_compressed-compressed-compressed.pdf
- International Labour Organisation. (ILO). (2022). *Home truths: Access to adequate housing for migrant workers in the ASEAN region*. https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---asia/---ro-bangkok/documents/publication/wcms_838972.pdf
- International Labour Organization (ILO). (1961). *R115 - workers' housing recommendation, 1961 (No. 115)*. https://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO::P12100_ILO_CODE:R115
- International Organization for Migration (IOM). (2021a). *IOM Asia-Pacific Regional data hub: Regional secondary data review | March 2021*. International Organization for Migration <https://publications.iom.int/books/iom-asia-pacific-regional-data-hub-regional-secondary-data-review-march-2021>
- International Organization for Migration (IOM). (2021b). *Literature review: Migrant worker accommodation: Examining public and private sector approaches and the impacts of COVID-19*. <https://www.iom.int/sites/g/files/tmzbd1486/files/2021-09/LiteratureReview-MigrantWorkerAccommodation.pdf>
- International Organization for Migration (IOM). (2022). *Asia-Pacific migration data report 2021*. https://publications.iom.int/system/files/pdf/2021-AP-Migration-Data-Report_1.pdf
- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). (2021a). *Buku panduan penginapan pekerja di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)*. <https://jtksm.mohr.gov.my/sites/default/files/2022-12/Buku%20Panduan%20Penginapan%20Pekerja.pdf>
- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). (2021b). *Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)*. <https://jtksm.mohr.gov.my/sites/default/files/2023-03/2.%20Employees%20Minimum%20Standards%20of%20Housing%2C%20Accommodations%20and%20amenities%20Act%201990.pdf>
- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). (2023a) *Akta Kerja 1955 (Akta 265)*. <https://jtksm.mohr.gov.my/sites/default/files/2023-11/Akta%20Kerja%201955%20%28Akta%20265%29.pdf>
- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). (2023b). *Laporan tahunan JTKSM 2023*. https://jtksm.mohr.gov.my/sites/default/files/2024-05/BLT2023_vFinal_compressed.pdf

- Jumlah pekerja asing di Malaysia kini lebih 2.7 juta orang. (2023). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/632344/berita/nasional/jumlah-pekerja-asing-di-malaysia-kini-lebih-27-juta-orang>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial*. https://eprints.utm.my/41090/2/KamarulAzmiJasmi2012_PenyelidikanKualitatifSainsSosial.pdf
- Kementerian Dalam Negeri (KDN). (2024). *Dasar semasa penggajian pekerja asing*. <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/bahagian-pa-dasar-dasar-semasa/dasar-semasa-penggajian-pekerja-asing-2>
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). (2024). *Statistik PBT mengikut negeri*. Jabatan Kerajaan Tempatan. <https://jkt.kpkt.gov.my/index.php/ms/SUK%26PBT/Statistik/StatistikPBTmengikutNegeri>
- Kementerian Sumber Manusia (KSM). (2022). *Statistik pekerjaan dan perburuhan*. https://jtksm.mohr.gov.my/sites/default/files/2024-01/eBook%20iStatistik%20bil%203%20_2022.pdf
- Kerajaan Malaysia. (2020). *Penetapan tarikh permulaan kuatkuasa warta Kerajaan Persekutuan P. U (B) 248 (2020)*. <https://jtksm.mohr.gov.my/sites/default/files/2022-11/warta%20akta%20standard%20minimum%20perumahan%20dan%20kemudahan%20pekerja%20pindaan%202019.pdf>
- Kerajaan Malaysia. (2021). *Peraturan-peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pekerja Yang Dikehendaki Disediakan Penginapan) (2021)*. <https://jtksm.mohr.gov.my/sites/default/files/2023-03/15.%20Peraturan%20Standard%20Minimum%20Perumahan%20dan%20Kemudahan%20Pekerja%20%28Pekerja%20Yang%20Dikehendaki%20untuk%20Disediakan%20Penginapan%29%202021%20%281%29.pdf>
- Lee, N. (2020). Malaysia: Seramai 1.4 juta pekerja asing tidak disediakan penginapan mengikut Akta 446. *Benar News Malaysia*. <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-akta-peginapan201203-12032020171346.html>
- Low, C. C. (2021). Legal reforms in protecting migrant workers' welfare in Malaysia: labor law and social security. *Austrian Journal of South-East Asian Studies*, 14(1), 59. <https://doi.org/10.14764/10.ASEAS-0048>
- Mahathevan, R. (1976). Occupational health in West Malaysia. *The Medical Journal of Malaysia*, 30(4), 273–278. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/979727/>
- Malaysia Indian Congress (MIC). (2020). *Terkejut dengan penginapan ala hamba zaman moden, Saravanan Gesa majikan patuhi Akta 446*. <https://mic.org.my/2020/12/21/terkejut-dengan-penginapan-ala-hamba-zaman-moden-saravanan-gesa-majikan-patuhi-akta-446/>
- Marshel, D. (2021). Asrama pekerja adalah satu keperluan asas yang perlu disediakan oleh majikan. *Facebook*. <https://www.facebook.com/David.Marshel4U/photos/a.230842917082672/1796095550557393/?type=3>

- Mohd Amin Jalil. (2024). JTKSM serbu asrama pekerja asing daif, kotor. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1065023/jtksm-serbu-asrama-pekerja-asing-daif-kotor>
- Mohd Iskandar Othman. (2021). PBT perlu segera sediakan garis panduan asrama pekerja asing. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/126350/edisi/pbt-perlu-segera-sediakan-garis-panduan-asrama-pekerja-asing>
- Mohd Na'eim Ajis, Mohamad Faisol Keling, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan & Zawiyah Mohd Zain (2018). Kajian terhadap proses dan pendekatan dalam pembentukan dasar pekerja asing di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(5), 48–65. <https://journalarticle.ukm.my/20831/1/29281-89850-1-SM.pdf>
- Mohd Shahril Nizam Md Radzi. (2023). Ulasan Perundangan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022). *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 367–378. <https://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/download/8796/4429/>
- Mstar. (2020). Gagal sediakan penempatan kondusif buat pekerja, Top Glove bakal dituduh langgar Akta 446. *Star Media Group*. <https://www.mstar.com.my/lokal/2020/12/01/gagal-sediakan-penempatan-kondusif-buat-pekerja-top-glove-bakal-dituduh-langgar-akta-446>
- Nizam Zain. (2024). Tiga majikan gagal sedia penginapan kondusif. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2024/02/27/tiga-majikan-gagal-sedia-penginapan-kondusif/>
- Nowak, M. (2022). *Universal Declaration of Human Rights (UDHR)*. Elgar Encyclopedia of Human Rights (496–501). <https://doi.org/10.4337/9781789903621.universal.declaration.human.rights>
- Office of the High Commissioner for Human Rights (OHCHR). (2009). *Report on activities and results*. https://www.ohchr.org/sites/default/files/I_OHCHR_Rep_2009_complete_final.pdf
- Pandi, A. R., Pereira, A. A., & Yacob, A. (2023). *Penilaian punca dan faktor penyumbang kepada pekerja migran menjadi tanpa dokumen di Malaysia*. International Organization for Migration. https://www.iom.int/sites/g/files/tmzbd1486/files/documents/2023-08/malay_undocumented-migrant-workers-report.pdf
- Putul, S. J., & Mia, M. T. (2018). Exploitation of migrant workers in Malaysia and protection under domestic laws. Dlm. *Proceedings of the International Law Conference (iN-LAC 2018) - Law, Technology and the Imperative of Change in the 21st Century* (125–131). <https://www.scitepress.org/Papers/2018/100548/100548.pdf>
- Ramachandran, J., & Guan, D. S. T. (2022). *The plight of migrant workers in Malaysia and proposal for legal reform*. 1(Part 2), 1–17. https://exec.cljprime.com/redirect/?a=article&b=A_2022_1_LNS_lxxiii

- Suratman, R., Samsudin, S., Aminuddin, S. Z., & Saim, Z. (2019). Resident's perception on foreign workers housing in high rise residential building. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 286(1). <https://doi.org/10.1088/1755-1315/286/1/012033>
- Voules, A. B. (1921). *The Rump Labour Code - Chapter 154*. Dlm. *The Laws of the Federated Malay States 1877–1920*. <https://www.sabrizain.org/malaya/library/lawsfms1.pdf>
- Zulkifly Osman & Osman-Rani Hassan. (1996). *Pekerja asing di Malaysia* [Kertas Kerja IKMAS yang diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia (1–20). <https://www.ukm.my/ikmas/wp-content/uploads/2018/01/no3%201996%5Bpekerja%20asing%5D.pdf>